

16 FEB 1996

PETRONAS DAPAT PERKONGSIAN DALAM KILANG PENAPIS MINYAK VIETNAM

Oleh: Abdul Rachman Nordin

HANOI, 16 Feb (Bernama) -- Petronas telah secara rasmi memperolehi kepentingan bersama sebanyak 30 peratus dengan Conoco dari Amerika Syarikat dan memasuki perkongsian untuk membangunkan kilang penapis minyak yang pertama di Vietnam.

Dokumen berkaitan urusan niaga bernilai AS\$1.2 bilion (RM3 bilion) itu dimeterai semalam antara semua rakan kongsi asing dengan PetroVietnam, syarikat minyak milik negara, demikian menurut para pegawai hari ini.

Upacara penandatanganan rasmi bagi projek itu, yang akan ditempatkan di Dung Quat di kawasan pantai tengah Vietnam, dijadualkan di sini pada 5 Mac.

Pengurus besar (pembangunan perniagaan) Petronas, Ng Chong Wah adalah antara mereka yang menurunkan tanda tangan semalam dihadapan ketua eksekutif PetroVietnam, Ho Si Thoang.

PetroVietnam memegang kepentingan 30 peratus dalam projek itu.

Penurun tandatangan lain ialah konsortium diketuai LG Group dari Korea Selatan (30 peratus) dan dua perbadanan Taiwan, Chinese Petroleum Corp dan China Investment Corp (CIC) (10 peratus).

Petronas dan Conoco menyertai usaha sama itu setelah syarikat minyak Perancis, Total menarik diri kerana tidak menyetujui pemilihan Dung Quat sebagai tapak kilang penapis itu.

Projek kilang penapis itu menandakan satu ciri baru dalam pembabitan Petronas dalam kegiatan-kegiatan hulu dan hiliran industri minyak Vietnam.

Sementara itu, para pegawai di sini mengesahkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melawat pejabat wakil Petronas di sini semasa lawatan kerjanya ke Vietnam bulan depan. -- BERNAMA

RN SIA